



Siaran Akhbar

KEJADIAN SEKUMPULAN KERBAU DIDAPATI MATI DI DALAM KOLAM AIR BERLUMPUR DI KAMPUNG KATIMAHAR, DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Selasa, 21 Julai 2020 - Berikutan dengan tularnya di media sosial mengenai gambar sekumpulan kerbau yang mati di dalam satu kawasan kolam air berlumpur, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berdasarkan maklumat orang awam, melalui Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar telahpun membuat lawatan dan pemeriksaan ke kawasan berkenaan yang terletak di Kampung Katimahar untuk meninjau secara lebih dekat lagi bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian tersebut. Daripada penelitian Jabatan, sejumlah 36 ekor kerbau telah mati di dalam kawasan kolam air milik peladang Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Katimahar. Kerbau-kerbau yang dipelihara secara kaedah terbuka tersebut merupakan milik beberapa orang penduduk kampung berkenaan dan telah dipercayai mati lemas beberapa hari sebelumnya.

Hasil daripada siasatan awal oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mendapati bahawa ternakan kerbau-kerbau tersebut tidak mengalami sebarang tanda-tanda keracunan ataupun penyakit berjangkit. Adalah dipercayai bahawa kemungkinan sekumpulan kerbau tersebut telah terperangkap di dalam kolam air berlumpur berkenaan yang sedalam lebih dari 7 kaki yang dibina bagi tujuan untuk kegunaan sumber pengairan bagi ladang tanaman di kawasan sekitar. Kejadian penurunan hujan lebat sejak beberapa hari kebelakangan berkemungkinan telah menyebabkan paras air meningkat naik di dalam kolam berkenaan, dan dengan struktur tebing kolam yang tinggi telah menyukarkan kerbau-kerbau yang telah berada dalam kolam berkenaan untuk naik ke darat sehingga terperangkap dan mati lemas.

Bagi meringankan beban pemilik kerbau-kerbau tersebut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan bantuan penduduk kampung telah berkerjasama untuk mengalihkan bangkai-bangkai kerbau berkenaan untuk ditanam di kawasan berhampiran dengan berpandukan kepada langkah-langkah pengawalan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan pencemaran mahupun jangkitan haiwan.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan beserta Pemangku Ketua Kampong Katimahar, Awang Haji Bujang bin Haji Abdul Ghani dan beberapa orang penduduk kampung telah berkesempatan untuk meninjau operasi penanaman bangkai-bangkai kerbau berkenaan. Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta pegawai dan kakitangan daipada Jabatan Pertanian dan Agrimakan.

Kejadian ini telah turut dilaporkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk menjalankan siasatan lanjut.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diingatkan untuk tidak menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak sahih atau yang belum disahkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenai kematian kerbau-kerbau tersebut. Dalam pada itu, salah satu cadangan dan saranan agar perkara ini tidak lagi berlaku adalah bagi peladang-peladang berkenaan memastikan mana-mana kolam air berdekatan ladang kerbau supaya dipagar bagi mengelakkan kerbau-kerbau memasuki kolam berkenaan. Para penduduk kampung juga dinasihatkan untuk sentiasa memantau serta memberi perhatian terhadap ternakan masing-masing.

TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tarikh: 29 Zulkaedah 1441H / 21 Julai 2020M

**GAMBAR-GAMBAR SEMASA LAWATAN MENGENAI KEMATIAN KERBAU
DI KAMPUNG KATIMAHAR, DAERAH BRUNEI DAN MUARA**





